

Ajar anak lebih berani

Masalah dalaman keluarga seseorang remaja banyak pengaruhi perwatakan di luar

H.M 7/3/09 M/S 11

>>Oleh Fairul Asmaini
Mohd Pilus
asmaini@nstp.com.my

“**M**ASALAH buli di kalangan masyarakat terutama remaja memang sukar dibendung 100 peratus kerana ia berkait rapat dengan latar belakang keluarga yang memberi sumbangan besar terhadap tingkah laku seseorang. “Gejala buli boleh berlaku di mana-mana saja sama ada di sekolah, sekitar kawasan perumahan, rumah sendiri mahupun di pejabat tanpa mengira lokasi atau jantina.

“Ia memang sukar diatasi sepenuhnya kerana ada ibu bapa yang tidak mahu bekerjasama dan ada sekolah yang cuba menyembunyikan masalah berkenaan semata-mata tidak mahu nama baik terjejas,” demikian pendapat perunding motivasi yang juga Presiden Pertubuhan Perunding Latihan dan Motivasi Muslim Malaysia (Tamrin), Dr Tengku Asmadi Tengku Mohamad, mengenai isu buli yang kini dikatakan semakin meningkat.



“

Peranan ibu bapa pada era ini semakin mencabar dan tidak hanya sekadar memberi wang saku, menghantar anak ke sekolah serta membeli kelengkapan diperlukan”

>Dr Tengku Asmadi
Tengku Mohamad

Presiden Pertubuhan Perunding Latihan
dan Motivasi Muslim Malaysia (Tamrin)

ni, yakin

ar rumah



ANIAYA...buli boleh bawa kecederaan kepada mangsa.



PRIHATIN...kempen Hentikan Buli perlu dilaksanakan secara serius di semua sekolah di negara ini.

Tip elak kejadian buli

- Setiap pelajar perlu berani beri maklumat kepada pihak berkuasa atau keluarga jika mereka dibuli individu tertentu.
- Sebagai rakan, anda perlu mengetahui sebarang perubahan kepada rakan anda dan segera melaporkan kepada pengawas atau guru.
- Guru atau warden asrama perlu mengambil serius setiap aduan buli dan merahsiakan hal berkenaan supaya pelajar yang menjadi mangsa buli

memulangkan telefon bimbit daripada seorang rakannya. Rakaman aksi buli mereka disiarkan di laman web You Tube

● **17 Ogos 2008:** Sekumpulan samseng perempuan termasuk seorang lelaki membelasah seorang pelajar perempuan tingkatan satu di sebuah sekolah menengah di daerah Tampin, Negeri Sembilan, menyebabkan mangsa cedera di tangan, kepala dan pinggang.

semakin berleluasa dalam kalangan remaja.

Menurutnya, isu buli bukan sesuatu yang baru kepada masyarakat di negara ini yang dikatakan lebih kerap berlaku kepada remaja lelaki terutama di peringkat sekolah menengah namun, kes membabitkan pelajar perempuan juga semakin meningkat.

Katanya, pembuli biasanya terdiri daripada tiga golongan iaitu membuli untuk mendapatkan perhatian, mahu menunjuk kekuasaan atau pengaruh dan kemahiran intra personal yang sangat rendah.

Masalah dalaman keluarga seseorang remaja banyak mempengaruhi perwatakan mereka di luar rumah kelak dan buli boleh menjadi tanda ada sesuatu yang tidak kena dengan si pembuli.

Katanya, kajian pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) ke atas punca kejadian sosial yang berlaku dalam kalangan remaja mereka mendapati lebih 75 peratus berpunca daripada keluarga yang terumbug-ambing dan bermasalah. "Peranan ibu bapa pada era ini semakin mencabar dan tidak hanya sekadar memberi wang saku, menghantar anak ke sekolah serta membeli kelengkapan diperlukan.

"Sebaliknya, ibu bapa perlu meluangkan lebih masa dengan anak terutama bagi yang mempunyai anak remaja dan berusaha untuk menjadikan rumah itu suatu tempat yang



GANAS... kejadian buli boleh berlaku di mana saja.

selesa serta menggembirakan mereka.

"Ini kerana, remaja yang tidak mendapat perhatian atau kasih sayang secukupnya biasanya mempunyai perwatakan agak berbeza daripada rakan sebaya sekali gus mendorong kepada kejadian buli," katanya.

Menyentuh soal peranan keluarga, Dr Tengku Asmadi berkata, ibu bapa perlu menggalakkan anak bercerita mengenai suasana di sekolah mereka kerana dengan cara

berkenaan, ia dapat mengesan sesuatu yang tidak kena.

Dia berkata, jika anak yang menjadi mangsa, ibu bapa perlu mengajar mereka supaya lebih berani dan yakin dengan diri sendiri.

Namun, Dr Tengku Asmadi berkata, jika kejadian buli masih berlarutan serta tidak berubah, ibu bapa perlu mengambil tindakan sewajarnya iaitu melaporkan kepada pihak sekolah dan polis.

Katanya, berlainan pula jika anak sendiri yang menjadi

pembuli, apabila ibu bapa perlu bersikap lebih tegas untuk menghentikan perbuatan mereka dengan memberikan contoh masalah yang akan timbul jika masih meneruskan perangai suka membuli.

Katanya, remaja yang menjadi pembuli sebenarnya masih boleh dilentur kerana mereka sebenarnya masih naif dan tidak berfikiran matang.

"Tetapi, masalah buli ini tidak akan dapat dibendung jika ibu bapa terlalu melindungi



KESIAN... buli juga berlaku di pe

buatan anak mereka dan mengelak mereka daripada dikenakan hukuman.

"Untuk itu, jangan terlalu memanjakan anak sehingga mereka melampaui batas dan sebaiknya, didik mereka untuk bertanggungjawab atas apa yang dilakukan.

"Apa yang lebih penting, ibu bapa perlu sedar, setiap hukuman yang dikenakan bukan bertujuan untuk memusnahkan masa depan mereka tetapi sebaliknya untuk membantu mereka sedar dan menyesal



pejabat.

atas apa yang dilakukan kerana perjalanan hidup mereka masih panjang,” katanya.

Sementara itu, Dr Tengku Asmadi berkata, pihak sekolah juga perlu lebih serius dalam menangani isu berkenaan dan tidak menyembunyikan sesuatu kes buli semata-mata untuk menjaga nama baik.

“Pihak sekolah perlu mengambil langkah untuk mengenal pasti golongan pelajar bermasalah yang berpotensi menjadi pembuli.

salah ini perlu diberi lebih perhatian serta membabitkan mereka dalam aktiviti di sekolah supaya mereka berasa diperlukan dan diberi perhatian.

“Selain itu, langkah memilih pelajar ini untuk menjawat jawatan penting juga boleh membantu menangani masalah berkenaan kerana mereka akan berasa lebih bertanggungjawab dan malu dengan jawatan yang disandang sekiranya melakukan kesalahan,” katanya.

yang mungkin mendapat perlindungan sewajarnya.

- Ketika minggu suai kenal, pihak sekolah perlu memberi penerangan terperinci kepada pelajar mengenai masalah buli dan apa yang perlu lakukan jika ada pelajar lain membuli mereka.
- Memperbanyakkan sesi kaunseling kepada remaja bermasalah untuk membimbing mereka kembali ke pangkal jalan.
- Laksanakan secara serius kempen Hentian Buli dilancarkan kerajaan tidak lama dulu

Kronologi kes buli:

- **3 Mac 2009:** Seorang pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lepar, Pekan, Pahang, Mohd Azwan Md Ribbi, 15, melecur teruk lengan kanannya diseterika senior di asrama hanya kerana enggan membelikan rokok.
- **1 Mac 2009 :** Seorang pelajar lelaki tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Merchang, Marang yang tidak tahan dibuli beberapa pelajar di asrama sekolah itu sejak dua minggu lalu membuat laporan polis.
- Mangsa mendakwa cedera di kepala akibat dihantuk di dinding dan dipukul seorang pelajar sekolah itu.
- **16 Februari 2009:** Reduan Sami, 15, dibelasah sembilan rakannya di SMK Oya, Dalat, Sarawak, selepas gagal

● **1 Ogos 2007:** Seorang pelajar tingkatan dua yang sering dibuli, membawa pisau kecil ke sekolah sebelum menggunakannya untuk mencederakan dua rakan sekelas termasuk seorang yang sering membulinya.

Pelajar berkenaan mencederakan mereka dalam satu peragduhan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 24/2, Shah Alam. Difahamkan, pelajar terbabit membawa pisau itu untuk menakutkan kaki buli itu dan menggunakannya selepas tidak tahan diperlakukan sedemikian.

- **17 Jun 2007:** Lima belas pelajar tingkatan tiga Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kuala Klawang, Negeri Sembilan, secara kumpulan memukul 10 pelajar tingkatan dua menggunakan batang penyapu.
- **10 Februari 2007:** Beberapa pelajar tingkatan dua Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya, dipercayai ditendang dan dibelasah sekumpulan pelajar senior hanya kerana enggan mematuhi arahan termasuk menjadi ‘kuli’ membasuh baju pelajar terbabit.
- **30 Januari 2007:** Lapan belas pelajar asrama Sekolah Menengah (SM) Teknik Bintulu, Bintulu, Sarawak, ditahan reman selama lima hari bagi membantu siasatan polis berhubung kematian Methuus Mering Augus, 16.